



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN MODEL PEMBELAJARAN PROFESIONAL
BERASASKAN SEKOLAH DI SEKOLAH MENENGAH
HARIAN DI MALAYSIA

MAHALIZA BINTI MANSOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PEMBANGUNAN
SUMBER MANUSIA)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti hubungan antara peranan pemimpin pembelajaran profesional berasaskan sekolah dan model-model pembelajaran profesional dengan amalan guru. Kajian ini telah dijalankan di 41 buah sekolah menengah harian di Malaysia manakala maklumat diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada 372 orang guru yang dipilih melalui pensampelan kelompok pelbagai peringkat. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferens iaitu analisis ANOVA, korelasi, regresi dan model persamaan struktural. Kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan dalam model-model pembelajaran profesional dan amalan guru berdasarkan elemen demografi kecuali pengalaman mengajar. Kajian menunjukkan terdapat perhubungan berstruktur yang signifikan antara peranan pemimpin pembelajaran profesional, model-model pembelajaran profesional dan amalan guru. Analisis model persamaan struktural untuk mengukur kesepadanan model dengan sampel yang dipilih adalah signifikan. Implikasi kajian ini ialah keperluan untuk mengaplikasi model-model pembelajaran yang pelbagai seperti pembelajaran arahan sendiri, latihan, kajian tindakan, kumpulan pembelajaran serta portfolio profesional secara optimum sesuai dengan persekitaran sekolah bagi memberi impak positif terhadap perkembangan profesional guru.





DEVELOPMENT OF SCHOOL-BASED PROFESSIONAL LEARNING MODEL AT MALAYSIAN REGULAR SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

The purpose of this research is to investigate the relationships between school-based professional learning leaders' roles, professional learning models and teachers' practices. This study is conducted at 41 regular secondary schools in Malaysia where the information is gathered from the survey of 372 teachers who are chosen through multi-stage cluster sampling. Data from the survey is analyzed by using descriptive and inferential statistics such as ANOVA, correlation, regression and Structural Equation Modeling analysis. The study shows that there was no significant difference in mean scores in the models of professional learning and teachers' practices based on demographic elements except the element of teaching experience. The findings indicate there is a significant structural relationship between school leaders' roles, professional learning models and teachers' practices. The Structural Equation Modeling analysis indicates significant overall fit of the model with data from the samples chosen. The implications of this study is the need to apply learning models that range from self-directed learning, training, action research, group study and professional portfolio optimally, suitable with school environment for a positive impact on the professional development of teachers.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Pembangunan Profesional Guru	3
1.2.2 Pembangunan Profesional Guru di Malaysia	10
1.3 Penyataan Masalah	14
1.4 Tujuan Kajian	16
1.4.1 Objektif Kajian	17
1.4.2 Persoalan Kajian dan Hipotesis Kajian	19
1.5 Kepentingan Kajian	24
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	25
1.7 Definisi Operasional	32
1.7.1 Pembelajaran Profesional Berasaskan Sekolah	33
1.7.2 Pentadbir Sebagai Pemimpin Pembelajaran Profesional	33
1.7.3 Peranan Pemimpin Sekolah sebagai Pembina	34
1.7.4 Peranan Pemimpin Sekolah sebagai Pereka	35
1.7.5 Peranan Pemimpin Sekolah sebagai Pelaksana	35
1.7.6 Peranan Pemimpin Sekolah sebagai Pemimpin Reflektif	36
1.7.7 Model-model Pembelajaran Profesional Guru	36

1.7.8	Model Pembelajaran Arahkan Kendiri	37
1.7.9	Model Penyelesaian Masalah Secara Kolaboratif	37
1.7.10	Model Pencerapan dan Pentaksiran Pengajaran	38
1.7.11	Model Latihan	39
1.7.12	Model Kajian Tindakan	39
1.7.13	Model Kumpulan Pembelajaran	40
1.7.14	Model Portfolio Profesional	41
1.7.15	Penilaian Pembelajaran Profesional	41
1.7.16	Amalan Guru	42
1.7.17	Keprihatinan	42
1.7.18	Penggunaan Pengetahuan dan Kemahiran	43
1.7.19	Perbezaan Amalan	43
1.7.20	Lokasi Sekolah	44
1.8	Batasan Kajian	44
1.9	Rumusan	46

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	47
2.2	Pembelajaran Profesional Berasaskan Sekolah	48
2.3	Peranan Pentadbir Sekolah Sebagai Pemimpin Pembelajaran Profesional	54
2.3.1	Pemimpin Sekolah Sebagai Pembina	54
2.3.2	Pemimpin Sekolah Sebagai Pereka	56
2.3.3	Pemimpin Sekolah sebagai Pelaksana	58
2.3.4	Pemimpin Sekolah sebagai Pemimpin Reflektif	59
2.4	Model-model Pembelajaran Profesional	61
2.4.1	Model Pembelajaran Arahkan Kendiri	61
2.4.2	Model Pencerapan dan Pentaksiran Pengajaran	64
2.4.3	Model Penyelesaian Masalah	66
2.4.3	Model Latihan	68
2.4.4	Model Kajian Tindakan	71
2.4.5	Model Portfolio Profesional	73
2.4.6	Model Kumpulan Pembelajaran	76
2.5	Model Penilaian Pembangunan Profesional	79

2.5.1	Model Penilaian KIPP Stufflebeam	80
2.5.2	Model Penilaian Kirkpatrick	82
2.5.3	Model Penilaian Pembangunan Profesional Guskey	84
2.5.4	Amalan Guru	86
2.6	Teori Pembelajaran Dewasa	89
2.7	Paradigma Teoretikal Pembelajaran Profesional	104
2.8	Kajian Berkaitan	120
2.9	Analisis Kandungan	132
2.10	Rumusan	158

BAB 3 KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	159
3.2	Reka Bentuk Kajian	160
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	162
3.4	Instrumen Kajian	166
3.4.1	Pembinaan Instrumen Kajian	166
3.4.2	Pemboleh Ubah Kajian	168
3.4.3	Kajian Rintis	170
3.4.4	Kesahan dan Kebolehppercayaan Instrumen	180
3.4.4.1	Kesahan Kandungan	181
3.4.4.2	Kesahan Konstruk	183
3.4.4.3	Soal Selidik	184
3.5	Prosedur Kajian	188
3.6	Prosedur Penganalisisan Data	190
3.6.1	Analisis Deskriptif	191
3.6.2	Analisis Inferensi	192
3.6.2.1	Analisis Ujian-t	192
3.6.2.2	Analisis ANOVA	192
3.6.2.3	Analisis Korelasi Pearson	193
3.6.2.4	Analisis Regresi Pelbagai	194
3.6.2.5	Analisis Model Persamaan Struktural	195
3.7	Rumusan	197

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	198
4.2	Analisis Deskriptif	202
4.2.1	Profil Responden Kajian	202
4.2.2	Analisis Data Deskriptif	203
4.2.3	Pengesanan Kepelbagaian dan Kestabilan Pemboleh Ubah Kajian	209
4.2.4	Analisis Faktor Pengesahan	215
4.3	Analisis Inferensi	218
4.3.1	Soalan Kajian 4	218
4.3.2	Soalan Kajian 5	234
4.3.3	Soalan Kajian 6 hingga Soalan Kajian 8	242
4.3.4	Soalan Kajian 9 hingga Soalan Kajian 11	245
4.3.5	Soalan Kajian 12	259
4.4	Rumusan	266

**BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan	268
5.2	Ringkasan Kajian	268
5.3	Ringkasan Dapatan Kajian	275
5.3.1	Profil Responden	275
5.3.2	Tahap Peranan Pemimpin Pembelajaran Profesional, Model-model Pembelajaran Profesional dan Amalan Guru	276
5.3.3	Perbandingan antara Guru lelaki dengan Guru Perempuan terhadap Model-model Pembelajaran Profesional	277
5.3.4	Perbandingan antara Guru Lelaki dengan Guru Perempuan terhadap Elemen-elemen Amalan Guru	278
5.3.5	Perbandingan antara Pengalaman Mengajar Kelayakan Akademik dan Gred Perkhidmatan terhadap Model-model Pembelajaran Profesional	279
5.3.6	Perbandingan antara Pengalaman Mengajar Kelayakan Akademik dan Gred Perkhidmatan terhadap Elemen-elemen Amalan Guru	281



5.3.7	Hubungan yang Signifikan antara Elemen-elemen Peranan Pemimpin Pembelajaran Profesional dengan Elemen-elemen Amalan Guru	283
5.3.8	Hubungan yang Signifikan antara Elemen-elemen Peranan Pemimpin Pembelajaran Profesional dengan Model-model Pembelajaran Profesional	284
5.3.9	Hubungan yang Signifikan antara Model-model Pembelajaran Profesional dengan Elemen-elemen Amalan Guru	285
5.3.10	Faktor Peranan Pemimpin Pembelajaran Profesional yang Menjadi Peramal terhadap Model-model Pembelajaran Profesional	285
5.3.11	Faktor Peranan Pemimpin Pembelajaran Profesional yang Menjadi Peramal terhadap Amalan Guru	287
5.3.12	Model-model Pembelajaran Profesional yang Menjadi Peramal terhadap Amalan Guru	288
5.3.13	Faktor Peranan Pemimpin Pembelajaran Profesional dan Model-model Pembelajaran Profesional yang Menjadi Peramal terhadap Amalan Guru	289
5.3.14	Faktor Jantina, Pengalaman Kerja dan Kelayakan Akademik tidak Menjadi Peramal terhadap Model-model Pembelajaran Profesional dalam Kalangan Guru	290
5.3.15	Faktor Jantina, Pengalaman Kerja dan Kelayakan Akademik tidak Menjadi Peramal terhadap Amalan Guru dalam Kalangan Guru	291
5.3.16	Perhubungan Berstruktur antara Peranan Pemimpin Pembelajaran Profesional, Model-model Pembelajaran Profesional dan Amalan Guru	292
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	295
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	302
5.5.1	Implikasi Teori	302
5.5.2	Implikasi Praktikal	306
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	309
5.7	Rumusan	310



RUJUKAN

312

LAMPIRAN

339





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Halaman
2.1	Matriks Komponen Peranan Pemimpin Pembelajaran Profesional	145
2.2	Matriks Komponen Model Pembelajaran Profesional	152
2.3	Matriks Komponen Model Amalan Guru	157
3.1	Bilangan Guru di Sekolah Menengah Harian Mengikut Zon dan Negeri di Malaysia	163
3.2	Bilangan Sampel Sekolah Kajian Mengikut Zon	164
3.3	Senarai Sekolah Kajian Mengikut Zon	165
3.4	Indeks Kesepadanan Analisis Faktor Eksploratori (EFA)	174
3.5	Jumlah varian yang diterangkan	176
3.6	Matriks Komponen Pemboleh Ubah Model Pembelajaran Profesional Kaedah EFA Putaran 'Varimax' serta Nilai Keseragaman Item	177
3.7	Penilaian Pakar terhadap Instrumen Peranan Pemimpin Pembelajaran Profesional, Model Pembelajaran Profesional dan Amalan Guru	182
3.8	Kesahan Konstruk Menggunakan Analisis Faktor dan Nilai Keseragaman Item	183
3.9	Dapatan Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam Model Pembelajaran Profesional	186
3.10	Dapatan Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam Instrumen	187
3.11	Garis Panduan bagi Skor Min Pemboleh Ubah atau Sub Skala Pemboleh Ubah	191
3.12	Garis Panduan Nilai Pekali Korelasi Pemboleh Ubah	194
3.13	Kriteria Indeks Kesesuaian dan Interpretasinya	197
4.1	Profil Responden Kajian Berdasarkan Zon	202
4.2	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar, Kelayakan Akademik dan Gred Perkhidmatan	203
4.3	Garis Panduan bagi Skor Min Pemboleh Ubah atau Sub skala Pemboleh Ubah	204
4.4	Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Sub Skala Peranan Pemimpin Sekolah	205
4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Sub Skala Peranan Pemimpin Sekolah Mengikut Zon di Malaysia	206
4.6	Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Sub Skala Pembelajaran Profesional	207
4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Sub Skala Pembelajaran Profesional Mengikut Zon	207
4.8	Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Sub Skala Amalan Guru	208
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Sub Skala Amalan Guru Mengikut Zon	208



**No. Jadual****Halaman**

4.10	Min, Sisihan Piawai, Kepencongan dan Kecerunan bagi Pemboleh Ubah Peranan Pemimpin	210
4.11	Min, Sisihan Piawai, Kepencongan dan Kecerunan bagi Pemboleh Ubah Pembelajaran Profesional	210
4.12	Min, Sisihan Piawai, Kepencongan dan Kecerunan bagi Pemboleh Ubah Amalan Guru	210
4.13	Ujian Dignostik Koleneartiti bagi Pemboleh Ubah Bebas Peranan Pemimpin Sekolah terhadap Amalan Guru	212
4.14	Ujian Dignostik Koleneartiti bagi Pemboleh Ubah Bebas Peranan Pemimpin Sekolah terhadap Model-model Pembelajaran Profesional	213
4.15	Jadual Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	215
4.16	Ujian-t Perbandingan Model-model Pembelajaran Profesional Berdasarkan Jantina Guru	219
4.17	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan Kumpulan Pengalaman Mengajar terhadap Model-model Pembelajaran Profesional	222
4.18	Rumusan Skor Min Kumpulan Pengalaman Mengajar terhadap Model-model Pembelajaran Profesional	224
4.19	Rumusan Ujian <i>Post Hoc Tukey</i> bagi Model-model Pembelajaran Profesional berdasarkan Kumpulan	224
4.20	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan Kumpulan Kelayakan Akademik terhadap Pembelajaran Profesional	226
4.21	Rumusan Skor Min Kumpulan Kelayakan Akademik terhadap Model-model Pembelajaran Profesional	228
4.22	Rumusan Ujian <i>Post Hoc Tukey</i> bagi Model-model Pembelajaran Profesional berdasarkan Kumpulan Kelayakan Akademik	228
4.23	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan Kumpulan Gred Perkhidmatan terhadap Pembelajaran Profesional	230
4.24	Rumusan Skor Min Kumpulan Gred Perkhidmatan terhadap Model-model Pembelajaran Profesional	232
4.25	Rumusan Ujian <i>Post Hoc Tukey</i> bagi Model-model Pembelajaran Profesional berdasarkan Kumpulan Gred Perkhidmatan	232
4.26	Ujian -t Perbandingan Amalan Guru Berdasarkan Jantina Guru	234
4.27	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan Kumpulan Pengalaman Mengajar terhadap Amalan Guru	236
4.28	Rumusan Skor Min Kumpulan Pengalaman Mengajar terhadap Amalan Guru	237



**No. Jadual****Halaman**

4.29	Rumusan Ujian <i>Post Hoc Tukey</i> bagi Amalan Guru berdasarkan Kumpulan Pengalaman Mengajar	237
4.30	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan Kumpulan Kelayakan Akademik terhadap Amalan Guru	239
4.31	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan Kumpulan Gred Perkhidmatan terhadap Amalan Guru	241
4.32	Garis Panduan Nilai Pekali Korelasi Pemboleh Ubah	242
4.33	Matriks Korelasi Antara Pemboleh Ubah Kajian	245
4.34	Analisis Regresi Pelbagai ' <i>Stepwise</i> ' Bagi Pemboleh Ubah Peranan Pemimpin Pembelajaran Profesional yang Menjadi Peramal kepada Amalan Guru	247
4.35	Analisis Regresi Pelbagai ' <i>Stepwise</i> ' Bagi Pemboleh Ubah Model-model Pembelajaran Profesional yang Menjadi Peramal kepada Amalan Guru	249
4.36	Analisis Regresi Pelbagai ' <i>Stepwise</i> ' Bagi Pemboleh Ubah Peranan Pemimpin Pembelajaran Profesional dan Model-model Pembelajaran Profesional yang Menjadi Peramal kepada Amalan Guru	251
4.37	Analisis Regresi Pelbagai ' <i>Stepwise</i> ' Bagi Pemboleh Ubah Peranan Pemimpin Pembelajaran Profesional yang Menjadi Peramal kepada Model-model Pembelajaran Profesional	254
4.38	Analisis Regresi Pelbagai ' <i>Stepwise</i> ' Bagi Pemboleh Ubah Faktor Demografi yang Menjadi Peramal kepada Model-model Pembelajaran Profesional	256
4.39	Analisis Regresi Pelbagai ' <i>Stepwise</i> ' Bagi Pemboleh Ubah Faktor Demografi yang Menjadi Peramal kepada Amalan Guru	258
4.40	Hasilan Model Ukuran	261
4.41	Statistik Kesepadanan dalam Model Persamaan Struktural	262
4.42	Pengaruh Pemboleh Ubah Eksogenous terhadap Pemboleh Ubah Endogenous	265
4.43	Kesan Langsung, Kesan Tidak Langsung dan Kesan Keseluruhan terhadap Pemboleh Ubah Endogenous	266
5.1	Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis	293



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Tajuk	Halaman
1.1	Model Hubungan antara Pembangunan Profesional dengan Peningkatan Pembelajaran Pelajar	26
1.2	Model Kerangka Konseptual Kajian	32
2.1	Kerangka Konseptual Ciri-ciri Orang Dewasa Sebagai Pelajar	94
2.2	Model Perkembangan Guru di Malaysia	114
3.1	Hubungan di antara Pemboleh Ubah dengan Pemboleh Ubah	169
4.1	Analisis Faktor Pengesahan	217
4.2	Rajah Analisis Laluan Bagi Model Struktural	264



SENARAI SINGKATAN

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CFA	Analisis Faktor Pengesahan
EFA	Analisis Faktor Eksploratori
Etems	Program Latihan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
IAB	Institut Aminuddin Baki
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPD	Kursus Dalam Perkhidmatan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
SEM	Model Persamaan Struktural
SMKH	Sekolah Menengah Kebangsaan Harian

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

Halaman

A	Instrumen Kajian	339
B	Penilaian Panel Pakar Terhadap Item Instrumen	354
C	Plot Kumulatif Kebarangkalian Bagi Residual Terpiawai (Model-model Pembelajaran Profesional) Plot Sebaran Bagi Skor yang Diramal dengan Residual Terpiawai	357
	Plot Kumulatif Kebarangkalian Bagi Residual Terpiawai (Amalan Guru) Plot Sebaran Bagi Skor yang Diramal dengan Residual Terpiawai	358
D	Analisis Ujian-t Analisis ANOVA	359
E	Analisis Korelasi	375
F	Analisis Regresi Pelbagai	378
G	Analisis Model Persamaan Struktural	383
H	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	389



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Pendidikan merupakan bidang profesional yang sangat dinamik. Pengetahuan dan kemahiran dalam setiap disiplin ilmunya sentiasa berkembang. Tuntutan dari perkembangan ini memerlukan standard amalan profesional yang tinggi untuk melaksanakannya dengan baik (Goodson, 2003). Menurut Goodson dan Hargreaves (1996), salah satu kriteria utama yang menentukan sesuatu bidang itu adalah satu profesion ialah ahli-ahlinya iaitu guru sentiasa memperbaiki diri sepanjang kerjaya dengan sentiasa mempelajari cara-cara baru untuk meningkatkan khidmat terhadap pelanggannya. Oleh itu, guru di setiap tahap sepanjang kerjayanya perlu memperbaharui serta menguasai pengetahuan dan kemahiran baru agar mereka terus relevan dengan persekitaran yang sentiasa berubah. Lantaran, hasilnya akan memberi impak langsung terhadap pembelajaran pelajar (Amin Senin, 2008).





Pembelajaran dan pembangunan profesional berterusan dalam kalangan guru adalah suatu kemestian serta keperluan bagi setiap guru. Ini kerana

Guru pada ketika yang sama ialah seorang pelajar. Ia perlu sentiasa belajar untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi menjadi pendidik yang profesional, cekap, berkesan dan humanistik.

(Sufean Hussin, 2008:ms 476)

Menurut Bubb (2005), pembelajaran profesional guru mesti dilihat sebagai satu pelaburan dan menjadi keutamaan kepada sesebuah sekolah untuk membangunkan polisi yang berkaitan di samping melaksanakannya menerusi pengurusan dan kepimpinan yang berkesan. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah dan sedang berusaha ke arah pembangunan manusia dan modal insan seperti yang termaktub dalam teras kelima Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu Memartabatkan Profesion Keguruan. Fokus utama teras tersebut ialah Memantapkan Kerjaya Guru (KPM, 2006). Hasrat ini selaras dengan apa yang diucapkan oleh mantan Menteri Pelajaran Malaysia, YB Dato` Sri Hishamuddin Tun Hussein, dalam Perutusan Tahun Baru 2006 iaitu:

Hasrat kita adalah untuk memastikan bukan sahaja kita dapat melahirkan guru berkualiti, tetapi lebih jauh dari itu untuk memastikan mereka yang berkualiti ini kekal di dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

(KPM, 2006: ms 6)

KPM melalui Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah mengadakan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi guru-gurunya dalam usaha untuk meningkatkan profesionalisme guru. Kemahiran dan keterampilan guru-guru perlu terus diperbaharui





seiring dengan perubahan yang berlaku sama ada kepada kandungan (*content*) atau pendekatan pengajaran dan pembelajaran (Omar Abdull Kareem & Khuan Wai Bing, 2005). Oleh itu, LDP merupakan wadah terpenting bagi guru mendapat input terkini mengenai amalan pedagogi dan pelbagai kemahiran canggih demi meningkatkan motivasi, kreativiti dan inovasi guru dalam menangani cabaran masa kini (BPG, 2008).

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Pembangunan Profesional Guru



Era 1980an merupakan era kajian awal pembangunan guru. Pada era ini istilah yang sering menjadi fokus ialah Latihan Dalam Perkhidmatan (*Inservice training*) ataupun pembangunan staf. Para sarjana pada dekad ini percaya bahawa program LDP bukan sahaja penting tetapi juga penentu kepada penambahbaikan sekolah (Joyce & Showers, 1995) serta salah satu kaedah untuk melatih guru (Harris, 1980). Program ini sering menyogokkan salah satu dari aktiviti berikut iaitu kuliah, bengkel, kolokium, tunjuk cara, main peranan, perbincangan dalam kumpulan yang ramai, simulasi dan pengajaran mikro (Joyce & Showers, 1995).

Menurut Fullan (1991, 2007b) serta Darling-Hammond (2005) apabila menyorot program LDP pada tahun 1980an, menyatakan program dalam perkhidmatan gagal kerana banyak berkonsepkan bengkel tunggal (*one shot*), topik yang dibentangkan dalam





program tidak dipilih oleh peserta latihan, tindakan susulan terhadap sokongan idea dan amalan yang diperkenalkan dalam program latihan adalah kecil dan penilaian jarang dilaksanakan.

Pada era 1990an, terdapat perkembangan serta pertambahan dalam kajian pembangunan guru manakala istilah yang sering digunakan ialah pembangunan profesional selain dari perkembangan staf. Di era ini para sarjana mengaitkan kajian pembangunan profesional dengan aspek-aspek lain. Kajian-kajian tersebut adalah pembangunan profesional dan pencapaian pelajar (Guskey, 1995; Joyce & Shower, 1995), pembangunan profesional dan penambahbaikan sekolah (Cooper, 1991; Stoll & Fink, 1996), pembangunan profesional dan budaya sekolah (Rosenholtz, 1989), pembangunan profesional dengan pembelajaran dewasa (Oja, 1991) serta pembangunan profesional dengan perkembangan kerjaya (Fessler, 1995; Huberman, 1995). Ekoran dari perkembangan ini konsep program LDP telah beralih kepada pembangunan profesional secara berterusan. Menurut Fullan (2007b), perbezaan yang paling ketara di antaranya ialah pembangunan profesional berorientasikan model pertumbuhan manakala program LDP berorientasikan model defisit, di mana guru dianggap '*empty vessel*' iaitu serba kekurangan dari segi pengetahuan mahupun kemahiran.

Sehubungan dengan perkembangan dalam bidang ini maka terdapat satu perubahan dari program yang dilaksanakan secara tradisional pada era 1980an kepada pembelajaran profesional secara berterusan. Perubahan ini dapat diperjelas serta





diperkukuh dengan perbandingan yang di buat oleh Yin (1996) dan West-Burnham dan O'sullivan (1998) iaitu:

- i. Dari program yang terpisah dan tidak dirancang kepada rancangan perkembangan yang bersepadu dan berstrategi dalam rancangan induk sekolah.
- ii. Dari keperluan guru dikenal pasti oleh pihak atasan kepada keperluan dikenal pasti oleh guru secara sistematik.
- iii. Dari di kawal oleh pihak luar dari sekolah kepada berasaskan sekolah.
- iv. Dari kandungannya bersifat pemulihan dan tercerai-cerai kepada bersifat pembangunan, berterusan serta menyeluruh.
- v. Dari bersifat sementara dan tidak sistematik kepada bersifat berterusan dan sistematik.
- vi. Dari hanya berfokuskan kepada pembangunan individu kepada pembangunan individu, kumpulan dan sekolah.
- vii. Dari hanya melibatkan pakar dari luar kepada penglibatan pakar luar dan dalam sekolah.
- viii. Dari aktiviti yang hanya melibatkan syarahan kepada aktiviti yang pelbagai seperti seminar, bengkel, kajian tindakan, kejurulatihan dan kumpulan pembelajaran.
- ix. Dari penilaian yang sedikit dan tidak bersistematik kepada penilaian yang dibina ke dalam proses iaitu semua tahap aktiviti pembelajaran profesional dinilai pada peringkat pengajaran.





Di sebalik senario di atas, terdapat percanggahan pandangan tentang fokus serta cara pelaksanaan pembelajaran profesional berasaskan sekolah dalam kalangan para sarjana. Menurut Guskey dan Huberman (1995) terdapat para sarjana yang mencadangkan pembangunan profesional yang direka untuk perubahan mesti berfokuskan guru serta melibatkan kerja seharian di dalam bilik darjah. Namun, menurut mereka lagi terdapat pula pendapat yang menyatakan dengan berfokuskan kepada individu akan merencatkan pembangunan, oleh itu pendekatan secara sistematik atau organisasi adalah lebih menepati keperluan.

Kedua, menurut Guskey dan Huberman (1995), terdapat pakar yang menegaskan bahawa reformasi pembangunan profesional hendaklah di cetus dan dilaksanakan oleh guru itu sendiri dan personel sekolah. Namun pendapat lain pula menekankan bahawa kejayaan sesuatu program itu mesti dipandu oleh mereka yang boleh melihat visi yang jelas melangkau tembok individu di dalam kelas serta sekolah. Ini kerana, secara umumnya guru serta personel sekolah dikatakan tidak mempunyai keupayaan dan tidak mampu untuk menghasilkan dan melaksanakan pembaharuan secara sendiri.

Ketiga, Guskey dan Huberman (1995) menjelaskan bahawa para sarjana berpendapat program pembangunan profesional yang berkesan adalah berlandaskan perubahan secara beransur-ansur meningkat serta bertahap pada satu-satu masa. Namun terdapat pula pendapat menegaskan lebih luas skop program maka lebih banyak usaha patut dilakukan oleh guru dan sekiranya lebih banyak perubahan secara keseluruhan





terhadap gaya pengajaran diinginkan maka lebih kerap program untuk mencungkil semangat dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, kedua-dua dikotomi ini telah menimbulkan banyak kekeliruan pada para sarjana, malah mereka juga turut tidak sepakat tentang ciri-ciri pembangunan profesional yang berkesan (Guskey & Huberman, 1995) sehingga kini (Pedder, Opfer, McCormick & Storey, 2010). Kesimpulannya, pembangunan profesional pada dekad ini telah mengalami perubahan dari hanya berfokuskan pembangunan individu kepada berfokuskan individu dan organisasi. Pendekatan pembangunan guru yang di war-war dilaksanakan secara berterusan ini juga mendapat kritikan seperti sejauh manakah pendekatan ini dilaksanakan secara lestari, mementingkan pembelajaran guru serta mendapat sokongan dari pihak pemimpin sekolah (Darling-Hammond & Richardson, 2009).

Senario tahun 2000 dan seterusnya pula tidak menunjukkan banyak perubahan. Istilah pembelajaran profesional pula telah digunakan bersilih ganti dengan pembangunan profesional (Hirsh, 2009). Pada dekad ini wujud satu paradigma baru yang dibina dan disokong oleh analisis dapatan-dapatan kajian (Darling-Hammond & Richardson, 2009). Menurut Darling-Hammond dan Richardson (2009), wujud transisi yang jelas tentang ciri asas yang perlu ada dalam program pembelajaran profesional yang berkesan iaitu:

- i. Mendalamkan pengetahuan isi kandungan dan pedagogi guru.
- ii. Memberi peluang pembelajaran secara aktif dan '*hands-on*'.





- iii. Membolehkan guru mendapat pengetahuan baru, melaksanakan menerusi amalan seharian, dan membuat refleksi terhadap hasil dengan rakan setugas.
- iv. Mempunyai kurikulum dan penilaian kepada pembelajaran.
- v. Dilaksanakan secara kolaboratif serta suasana keserakanan.
- vi. Intensif serta lestari melangkau masa.

Namun begitu program pembelajaran profesional pada dekad ini terus mendapat kritikan dari para sarjana. Kritikan yang sering diajukan ialah program yang dilaksanakan tidak dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru seperti mengadakan aktiviti ‘hands on’ manakala aktiviti yang dijalankan pula tidak praktikal dan berfokuskan kepada perkara yang tidak perlu (Sparks, 2007). Kedua, program yang dijalankan pula jarang memenuhi keperluan instruksional dan keprihatinan individu serta sekolah mereka bertugas (Fullan, 2007b). Ketiga, terdapat kekurangan dari segi asas konseptual dalam merancang dan melaksanakan program yang boleh memastikan keberkesanannya seperti membina pemahaman yang mendalam tentang kandungan subjek dan kemahiran untuk menggunakan amalan baru (Hord & Hirsh, 2008). Keempat, kurang penilaian yang baik terhadap perubahan yang dibuat dalam amalan kerja guru (Bredeson, 2003).

Kepincangan dalam pembelajaran profesional ini turut disokong oleh dapatan kajian terkini iaitu guru berpandangan bahawa pembelajaran profesional yang ditawarkan masih lagi mengamalkan pendekatan atas ke bawah, dilaksanakan dalam jangka masa pendek, tidak berdasarkan konteks sekolah serta tidak menawarkan peluang untuk berkolaborasi di antara satu dengan yang lain (Pedder *et al.*, 2010). Ekoran dari itu,





ternyatalah bahawa guru merupakan fokus utama agen perubahan (Fullan, 2007a) manakala sekolah merupakan konteks di mana perubahan berlaku (Sparks, 2007).

Berdasarkan perdebatan senario perkembangan pembangunan guru sebelum ini, maka adalah wajar satu pendekatan baru yang lebih berkesan dikemukakan. Para sarjana dalam pendidikan guru turut bersetuju bahawa kepincangan LDP boleh ditambah baik jika pendekatan berasaskan sekolah dipraktikkan di sekolah masing-masing (McLaughlin & Talbert; 2006; Lieberman & Miller, 2008; Zepeda, 2008). Hawley dan Valli (1999), Darling-Hammond (2001), Bredeson (2003), Fullan, Hill dan Crevola (2006), Sparks (2007), Zepeda (2008), dan Aubusson, Ewing dan Hoban (2009), menyatakan pembelajaran profesional yang dianggap lebih berkesan dan berupaya memberi perubahan yang ketara dalam jangka masa panjang mempunyai elemen berikut iaitu:

- i. berterusan serta lestari,
- ii. mengaitkan pembelajaran pelajar dengan keperluan pengajar dan matlamat sekolah,
- iii. berasaskan sekolah dan dilaksanakan secara '*job-embedded*',
- iv. kaedah yang pelbagai meliputi latihan, amalan serta maklum balas, berpeluang untuk membuat refleksi individu dan inkuiri kumpulan terhadap amalan dan tindak susulan,
- v. berintegrasi dan berfokus kepada pelbagai inovasi terhadap pembelajaran dan kejayaan pelajar,

